

11 DEC 1996

Sabbaruddin

MALAYSIA TAJA PASUKAN STEWART-FORD UNTUK DUA TAHUN

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Kabinet hari ini meluluskan tajaan 5.12 juta paun sterling (kira-kira RM20.5 juta) setahun untuk menaja pasukan Stewart-Ford dari Britain bagi siri kejohanan Formula-1 Dunia.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik yang menyatakan demikian hari ini berkata penajaan itu ialah untuk dua musim akan datang.

Malaysia merupakan negara pertama yang menjadi penaja utama pasukan Formula-1.

Pasukan Stewart-Ford kepunyaan bekas juara dunia Jackie Stewart akan menyertai kejohanan itu yang akan bermula di Grand Prix Australia di Melbourne pada Mac depan.

Kedua-dua kereta Stewart-Ford itu akan memperagakan logo "Visit Malaysia" dan sebuah daripadanya dipamerkan buat kali pertama di London semalam.

Ketika bercakap kepada pemberita di pejabatnya, Sabbaruddin berkata selain terpampang di bahagian hadapan dan belakang kereta, logo "Visit Malaysia" yang diiringi gambar bendera negara itu juga dipaparkan pada bahagian hadapan jaket pelumba dan topi keledar serta pakaian kru pasukan Stewart-Ford.

Katanya, dengan jumlah 6.3 ribu juta penonton televisyen menyaksikan perlumbaan Formula-1 setahun, kedudukan logo Malaysia yang amat strategik itu sudah pasti mudah dilihat, sekali gus memperkenalkan lagi negara ini kepada rakyat asing.

"Setiap tahun terdapat 17 perlumbaan Formula-1 dengan setiap perlumbaan dipancarkan ke lima benua oleh 201 rangkaian televisyen. Dengan jumlah liputan sebanyak 26,400 jam bagi setiap perlumbaan, ia disaksikan purata 367 juta penonton," katanya.

Ini tidak termasuk penonton di setiap sirkit yang kesemuanya berjumlah 2.4 juta orang bagi kesemua 17 perlumbaan setahun, katanya.

"Dengan hanya menaja satu perempat daripada keseluruhan 20 juta paun sterling yang diperlukan bagi membiayai sesebuah pasukan Formula-1, kita mendapat pendedahan yang begitu meluas," katanya ketika ditanya faedah yang diperolehi Malaysia dengan membelanjakan 5.12 juta paun sterling untuk pasukan Stewart-Ford itu.

Perjanjian persefahaman bagi penajaan itu telah ditandatangani di sini pada 26 Nov lepas antara Stewart, yang juga Pengerusi Eksekutif Stewart Grand Prix dan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Ismail Adam dengan disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum ini, syarikat petrolium negara, Petronas menaja pasukan Red Bull Sauber untuk tempoh lima tahun bermula tahun ini.

Sabbaruddin berkata, perlumbaan Formula-1 yang dikendalikan Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA) dan Persatuan Pembuat Formula Satu (FOCA) itu amat unik.

Katanya, pemilihan pasukan Stewart-Ford pula dibuat berdasarkan keupayaan Stewart sendiri yang pernah menjadi juara dunia Formula-1 sebanyak tiga kali dan keyakinan Malaysia kepada potensi pasukan itu.

Penajaan itu juga merupakan antara usaha mempromosi Malaysia sebagai satu daripada gelanggang sirkit Formula-1 pada tahun 1999, katanya.

Sabbaruddin berkata, kementerian itu sudah mengadakan mesyuarat pertama dengan Petronas dan Malaysia Airports Berhad baru-baru ini bagi

membincangkan pembinaan gelanggang Formula-1 di kawasan seluas 400 hektar dekat Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Selain itu, beliau berkata mesyuarat berkenaan turut membincangkan usaha membentuk sebuah pasukan Formula-1 Malaysia.

Katanya, pembentukan pasukan itu dijangka turut melibatkan beberapa pihak lain seperti syarikat Lotus (yang kini dimiliki Proton), Penerbangan Malaysia (MAS), Kelab Sukan Motor Malaysia dan Persatuan Automobil Malaysia (AAM).

"Untuk membentuk sebuah pasukan Formula-1 bukan sahaja melibatkan belanja yang tinggi, malah mengambil masa yang agak panjang. Saya rasa kita tidak mungkin dapat membentuk sebuah pasukan yang terdiri daripada rakyat Malaysia sendiri pada tahun 1999," katanya.

Katanya, perbelanjaan yang diperlukan untuk membentuk seorang pemandu Formula-1 dianggarkan sekitar tiga hingga empat juta paun sterling dan individu itu perlu dibentuk sejak berusia dalam lingkungan 13 atau 14 tahun. -- BERNAMA

AH NMO